



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KPWKM SEDIA BENTANG CADANGAN KEPADA JEMAAH MENTERI TENTANG PENUBUHAN JAWATANKUASA KABINET MELINDUNGI GOLONGAN RENTAN

Johor Bahru, 11 Jun – YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) hari ini memaklumkan kesediaan Kementerian untuk membentangkan cadangan dan gerak kerja kepada Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) supaya penubuhan Jawatankuasa Kabinet Melindungi Golongan Rentan yang bertujuan meneliti secara menyeluruh isu berkaitan pusat jagaan di negara ini termasuk pusat jagaan kanak-kanak, anak yatim, orang kurang upaya, warga emas, pusat tahfiz dan sebagainya dapat dilaksanakan dengan kadar segera.

“Sebagai sekretariat kepada jawatankuasa tersebut KPWKM telah mengadakan perbincangan awal dan libat urus diperingkat kementerian dan agensi-agensi berkaitan mengenai penubuhan jawatankuasa ini. Penubuhan Jawatankuasa Kabinet Melindungi Golongan Rentan ini telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato’ Seri Ismail Sabri Yaacob dan akan dibincangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri dalam masa terdekat.” ujar YB Datuk Seri Rina

Sebagai agensi peneraju dibawah KPWKM, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah diminta untuk memantau secara terperinci tahap pengoperasian pusat-pusat jagaan di negara ini.

YB Datuk Seri Rina, menyatakan perkara tersebut di program turun padang ke Rumah Kanak-Kanak Mini Ulu Tiram, Johor Bahru hari ini bagi meninjau keadaan para penghuni serta kakitangan di pusat jagaan dan tahap pengoperasian inistitusi-institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Semasa lawatan ini, YB Datuk Seri Rina juga telah menzahirkan keprihatinan beliau terhadap komitmen kakitangan institusi dalam menjalankan tugas untuk memberi penjagaan dan perlindungan yang terbaik kepada penghuni-penghuni disini. YB Datuk Seri Rina turut sempat berkongsi nasihat dan maklumat kepada kakitangan serta penghuni Rumah Kanak-Kanak Mini Ulu Tiram agar sentiasa menjaga kebersihan dan keselamatan diri dengan mematuhi semua etika yang telah ditetapkan terutama pada masa dan ketika negara sedang dilanda dengan peningkatan jangkitan wabak Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut (HFMD). Kakitangan diminta agar terus mengambil langkah berjaga-jaga dan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi mengekang penularan penyakit ini di kalangan kanak-kanak.

Dalam perkembangan lain, YB Datuk Seri Rina juga menggesa kepada semua pusat-pusat jagaan yang masih belum berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506) untuk berbuat demikian segera. Beliau menyatakan bahawa pendaftaran sesebuah pusat jagaan amatlah mustahak kerana ianya dapat membolehkan JKM memantau kualiti perkhidmatan, kebajikan, aspek keselamatan dan kesejahteraan penghuni pusat jagaan terjamin. Menurut beliau, pusat jagaan yang berdaftar akan sentiasa menerima khidmat nasihat daripada JKM dan agensi teknikal, di samping dapat menikmati insentif-insentif yang disediakan oleh kerajaan. Pada masa ini terdapat sejumlah 1028 buah pusat jagaan telah dikenalpasti tidak berdaftar di seluruh negara dan pusat-pusat jagaan ini diharap dapat menghubungi atau hadir ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) terdekat untuk di maklumkan mengenai tatacara pendaftaran sesebuah pusat jagaan.

###

Disediakan oleh	:	Unit Komunikasi Korporat Jabatan Kebajikan Masyarakat No. 55, Persiaran Perdana Presint 4, PUTRAJAYA
No.Telefon	:	03-8323 1884
Tarikh dikeluarkan	:	11 Jun 2022